



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MYAGRISTATS 2024: STATISTIK PERTANIAN DAERAH SABAK BERNAM, KLUANG DAN BANDAR BAHARU

Sabak Bernam: 7.0 Ribu Hektar Keluasan Bertanam Kelapa Gerakkan Ekonomi Selangor

PUTRAJAYA, 6 Julai 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengumumkan penerbitan MyAgriStats 2024 bagi tiga daerah pentadbiran terpilih iaitu Sabak Bernam (Selangor), Kluang (Johor) dan Bandar Baharu (Kedah). Tiga daerah ini merupakan fasa pertama penerbitan MyAgriStats, dan liputan akan diperluaskan secara berperingkat kepada daerah-daerah pentadbiran lain di seluruh negara bagi melengkapkan gambaran statistik pertanian peringkat daerah. Laporan ini menghimpunkan statistik utama aktiviti subsektor Tanaman, Ternakan, Perikanan Tangkapan, Akuakultur serta Perhutanan & Pembalakan di daerah terbabit.

Statistik yang dibentangkan dalam penerbitan ini adalah hasil penyusunan data sekunder daripada sumber pentadbiran agensi teknikal berkaitan sektor pertanian, iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perhutanan. Data ini disusun semula, disemak dan diintegrasikan dengan penerbitan DOSM yang lain bagi memastikan laporan yang bersepadu di peringkat daerah.

Ketersediaan statistik pertanian sehingga peringkat daerah akan memberi manfaat kepada agensi kerajaan dan pengusaha pertanian dalam merangka perancangan yang lebih bersasar serta memastikan agihan sumber yang berkesan. Keputusan strategik dalam pemilihan bidang pertanian yang berpotensi haruslah dibuat dengan betul serta berasaskan bukti dan fakta yang menyeluruh dan mencukupi bagi mengukuhkan keterjaminan makanan negara.

Penerbitan ini bertujuan untuk dijadikan sumber rujukan tambahan bagi membantu pengusaha pertanian merancang strategi pengeluaran dan pemasaran hasil pertanian. Di samping itu, penerbitan ini dapat membantu dalam membuat keputusan yang lebih tepat dan strategik dalam mengenalpasti produk pertanian yang berpotensi di ketiga-tiga daerah terpilih.

Di daerah Sabak Bernam, Selangor, tanaman kelapa jelas mendominasi keluasan bertanam daerah dengan 7.0 ribu hektar, menghasilkan 105.0 ribu tan metrik bernilai RM169.1 juta. Cili merah

menyusul dengan nilai pengeluaran RM9.4 juta (1,000.0 tan metrik daripada keluasan 40.0 hektar), diikuti pisang yang bernilai RM8.2 juta (4,000.0 tan metrik daripada keluasan 250.0 hektar).

Perikanan Tangkapan Laut turut menonjol di Sabak Bernam. Senangin merekodkan pengeluaran tinggi sebanyak 1.4 ribu tan metrik bernilai RM38.1 juta, udang putih/kertas besar menyusul dengan mencatatkan 0.9 ribu tan metrik yang bernilai RM50.6 juta, dan bawal tambak dengan 0.7 ribu tan metrik bernilai RM49.2 juta. Bagi sektor Akuakultur, tilapia merah menjadi hasil utama (2,050.5 tan metrik bernilai RM19.5 juta), diikuti udang harimau (804.2 tan metrik bernilai RM28.9 juta) dan udang putih (75.2 tan metrik bernilai RM2.1 juta).

Beralih ke daerah Kluang, Johor, tanaman nanas muncul sebagai penyumbang terbesar dengan nilai pengeluaran RM363.4 juta (149.6 ribu tan metrik), diikuti durian bernilai RM98.0 juta (5.1 ribu tan metrik) dan sawi yang bernilai RM27.4 juta (7,000.0 tan metrik). Aktiviti Perikanan Tangkapan Darat di Kluang pula tertumpu kepada ikan temperas (103.4 tan metrik bernilai RM413.5 ribu), ikan baung (53.2 tan metrik bernilai RM958.2 ribu) dan udang galah (50.7 tan metrik bernilai RM2.5 juta). Sektor Akuakultur di Kluang pula diterajui penternakan ikan hiasan menerusi Malaysian Golden Arowana dengan nilai pengeluaran RM4.3 juta (9.6 ribu ekor), diikuti tilapia merah (191.7 tan metrik bernilai RM2.3 juta) dan ikan keli (87.3 tan metrik bernilai RM453.2 ribu).

Di daerah Bandar Baharu, Kedah, durian menjadi tanaman utama dengan nilai pengeluaran RM131.8 juta (6.9 ribu tan metrik), diikuti nanas (1.3 ribu tan metrik bernilai RM3.3 juta) dan manggis (349.1 tan metrik bernilai RM1.9 juta). Aktiviti tangkapan sungai dalam Perikanan Tangkapan Darat melibatkan ikan terbul (35.5 tan metrik bernilai RM212.8 ribu), udang galah (19.3 tan metrik bernilai RM1.3 juta) dan ikan baung (18.1 tan metrik bernilai RM725.4 ribu). Sektor Akuakultur pula memberi fokus kepada ikan keli sebanyak 1.4 ribu tan metrik bernilai RM8.3 juta, tilapia merah (72.8 tan metrik bernilai RM945.9 ribu) dan ikan hiasan Golden Arowana (Highback) sebanyak 455.0 ekor bernilai RM36.4 ribu.

Dari segi sumbangan ekonomi, sektor pertanian terus memberi sumbangan signifikan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di peringkat daerah terpilih. Pada tahun 2020 (harga malar), sektor pertanian di Kluang menyumbang sebanyak RM3,575 juta, diikuti oleh Sabak Bernam (RM918 juta) dan Bandar Baharu (RM272 juta).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, *"Data ini adalah hasil kerjasama erat pelbagai agensi teknikal iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perhutanan. Saya berharap maklumat terperinci ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak bagi memperkukuh keterjaminan makanan negara."*

MyAgriStats 2024 boleh dimuat turun secara percuma di portal rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia <https://tanistats.dosm.gov.my/>.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwitahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal www.open.dosm.gov.my.

Paparan 1: Nilai pengeluaran Tanaman, Perikanan Tangkapan & Akuakultur (RM juta) mengikut aktiviti utama, Sabak Bernam, Selangor, 2023


Sabak Bernam, Selangor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Paparan 2: Nilai pengeluaran Tanaman, Perikanan Tangkapan & Akuakultur (RM juta) mengikut aktiviti utama, Kluang, Johor, 2023


Kluang, Johor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Paparan 3: Nilai pengeluaran Tanaman, Perikanan Tangkapan & Akuakultur (RM juta) mengikut aktiviti utama, Bandar Baharu, Kedah, 2023

Bandar Baharu, Kedah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
6 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MYAGRISTATS 2024: AGRICULTURAL STATISTICS OF SABAK BERNAM, KLUANG AND BANDAR BAHARU DISTRICTS

Sabak Bernam: 7.0 Thousand Hectares of Coconut Planted Area Drives Selangor's Economy

PUTRAJAYA, 6th July 2026 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) announced the publication of MyAgriStats 2024 for three selected administrative districts, namely Sabak Bernam (Selangor), Kluang (Johor) and Bandar Baharu (Kedah). These three districts represent the first phase of the MyAgriStats publication, and coverage will be progressively expanded to other administrative districts nationwide to complete the picture of agricultural statistics at the district level. This report compiles key statistics on the activities of the Crops, Livestock, Capture Fisheries, Aquaculture as well as Forestry & Logging subsectors in the respective districts.

The statistics presented in this publication are the result of the compilation of secondary data from administrative sources of technical agencies related to the agricultural sector, namely the Department of Agriculture, Department of Veterinary Services, Department of Fisheries and Forestry Department. The data were rearranged, verified and integrated with other DOSM publications to ensure a coherent report at the district level.

The availability of agricultural statistics up to the district level will benefit government agencies and agricultural entrepreneurs in formulating more targeted planning and ensuring the effective distribution of resources. Strategic decisions in selecting potential agricultural areas must be made correctly and based on comprehensive and sufficient evidence and facts to strengthen the nation's food security.

This publication is intended to serve as an additional reference source to assist agricultural entrepreneurs in planning production and marketing strategies for agricultural produce. In addition, this publication can help in making more accurate and strategic decisions in identifying potential agricultural products in the three selected districts.

In the district of Sabak Bernam, Selangor, coconut clearly dominates the district's planted area with 7.0 thousand hectares, producing 105.0 thousand metric tonnes valued at RM169.1 million. Red chilli

followed with a production value of RM9.4 million (1,000.0 metric tonnes from a planted area of 40.0 hectares), followed by banana valued at RM8.2 million (4,000.0 metric tonnes from a planted area of 250.0 hectares).

Marine Capture Fisheries also stood out in Sabak Bernam. Fourfinger threadfin (senangin) recorded a high production of 1.4 thousand metric tonnes valued at RM38.1 million, followed by large white prawn (udang putih/kertas besar) with 0.9 thousand metric tonnes valued at RM50.6 million, and Chinese pomfret (bawal tambak) with 0.7 thousand metric tonnes valued at RM49.2 million. For the Aquaculture sector, red tilapia was the main produce (2,050.5 metric tonnes valued at RM19.5 million), followed by tiger prawn (804.2 metric tonnes valued at RM28.9 million) and white prawn (75.2 metric tonnes valued at RM2.1 million).

Moving to the district of Kluang, Johor, pineapple emerged as the largest contributor with a production value of RM363.4 million (149.6 thousand metric tonnes), followed by durian valued at RM98.0 million (5.1 thousand metric tonnes) and mustard greens (sawi) valued at RM27.4 million (7,000.0 metric tonnes). Inland Capture Fisheries activities in Kluang centred on beardless barb (temperas) with 103.4 metric tonnes valued at RM413.5 thousand, river catfish (baung) with 53.2 metric tonnes valued at RM958.2 thousand and giant freshwater prawn (udang galah) with 50.7 metric tonnes valued at RM2.5 million. The Aquaculture sector in Kluang was led by ornamental fish farming through the Malaysian Golden Arowana with a production value of RM4.3 million (9.6 thousand tails), followed by red tilapia (191.7 metric tonnes valued at RM2.3 million) and catfish (keli) (87.3 metric tonnes valued at RM453.2 thousand).

In the district of Bandar Baharu, Kedah, durian was the main crop with a production value of RM131.8 million (6.9 thousand metric tonnes), followed by pineapple (1.3 thousand metric tonnes valued at RM3.3 million) and mangosteen (349.1 metric tonnes valued at RM1.9 million). River catch activities under Inland Capture Fisheries involved terbul fish (35.5 metric tonnes valued at RM212.8 thousand), giant freshwater prawn (udang galah) with 19.3 metric tonnes valued at RM1.3 million and river catfish (baung) with 18.1 metric tonnes valued at RM725.4 thousand. The Aquaculture sector focused on catfish (keli) at 1.4 thousand metric tonnes valued at RM8.3 million, red tilapia (72.8 metric tonnes valued at RM945.9 thousand) and ornamental Golden Arowana (Highback) at 455.0 tails valued at RM36.4 thousand.

In terms of economic contribution, the agricultural sector continued to contribute significantly to the Gross Domestic Product (GDP) of the selected districts. In 2020 (at constant prices), the agricultural sector in Kluang contributed RM3,575 million, followed by Sabak Bernam (RM918 million) and Bandar Baharu (RM272 million).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, *"This data is the result of close collaboration among various technical agencies, namely the Department of Agriculture, Department*

of Veterinary Services, Department of Fisheries and Forestry Department. I hope this detailed information will be fully utilised by all parties to strengthen the nation's food security.”

MyAgriStats 2024 can be downloaded for free on the official portal of the Department of Statistics Malaysia <https://tanistats.dosm.gov.my/>.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is currently conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)** with the theme “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. This sixth Economic Census is being carried out from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia, to assess the performance, structure and characteristics of the national economy comprehensively and based on evidence.

Malaysia has, for the first time, been ranked **first (1st)** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from the 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogues and visualisations to facilitate users in analysing various data and can be accessed through the portal www.open.dosm.gov.my.

Display 1: Production value of Crops, Capture Fisheries & Aquaculture (RM million) by main activity, Sabak Bernam, Selangor, 2023


Sabak Bernam, Selangor



Source: Department of Statistics Malaysia (DOSM)


Display 2: Production value of Crops, Capture Fisheries & Aquaculture (RM million) by main activity, Kluang, Johor, 2023

Kluang, Johor



Source: Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Display 3: Production value of Crops, Capture Fisheries & Aquaculture (RM million) by main activity, Bandar Baharu, Kedah, 2023



Source: Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
6th JULY 2026